

Mencari cinta abadi

Ada hati yang terluka,
Ada tangisan di bibir mata,
Ada drita meruntun jiwa,
Ada jiwa tiada bernyawa...

Hati ini sedih sekali,
Ada derita silih berganti,
Ingin pergi membawa diri,
Tempat meengadu, hanya Ilahi....

Moga luka boleh diubati,
Moga jiwa hidup kembali,
Moga hati ini tidak mati,
Moga drita berlalu pergi....

Siapa sangka siapa menduga,
Bahagia dicari derita tiba,
Mengadu nasib pada yang Esa,
Moga tenang seluruh jiwa.

Sajak buat sahabat seperjuangan...

Posted on **March 11, 2008** by nuraiman

Ingatlah sahabat..

**Bunga menguntum indah,
Menyeri dan mekar memerah,
Dipuji dengan berbagai-bagai madah,
Esoknya bunga gugur ke tanah,
Serpilh demi serpih ia punah,
Tanpa daun dan kelopaknya musnah.**

Sahabatku..

Engkau bukan layu seperti bunga,
Dan aku bukan kumbang yang akan mengambil madunya,
Lambang bunga lambang sementara cuma,
Tetapi perjuangan kita tiada penghujungnya,
Daerah kita bukan daerah cinta,
Bukan masanya untuk memujuk kasih asmara,
Tiada senda gurau memanjang yang meleka,
Kerana kita dalam memperjuangkan agama.

Sahabatku..

Disini uda dan dara telah berkubur,
Kita bina atasnya jihad yang subur.

Ingatlah sahabat..

**Bumi kita bumi yang payah,
Penuh peluh, air mata dan mungkin darah,
Bila kita jejak tapaknya perlu punyai wadah,**

Ikuti dibelakang ulama' supaya tak goyah,
Bila dikatakan pada mu: Perjuangan itu amat susah,
Kau katakanlah kembali: Aku mengharap hanya
keredhaan dari Allah.

Sahabatku...

Semalam telah layu sekuntum bunga,
Telah gugur dari jambangannya,
Tetapi itu bukan perjuangan kita,
Bukanlah itu sebagai lambangnya,
Mulut telah kaku untuk bertanya,
Hati malu untuk memikirkannya,
Tidak seperti dahulunya,
Kita kuat berhujah dan bersuara.

Ingatlah sahabatku..

Kerana dulu dan kini kita tetap seorang mujahid,
Yang merindukan dan memburu syahid,
Maaf kiranya tuturku yang pahit.

Senyumlah sahabat..

Senyumlah dan serilah wajah,
Walau pudar dan hambar datang tak sudah,
Belajarlah menjadi seorang mujahid dan mujahidah,
Doaku agar kita berani seperti Hamzah,
Malah punyai semangat seperti Sumaiyah

Build your own FREE website at Tripod.com Share: [Facebook](#) | [Twitter](#) | [Digg](#) | [reddit](#)

Kawan

Sekadar renungan kita bersama
Suatu cerita penyakit jiwa
Bukan sakit kat wad gila
Zahir sihat, jiwa merana
Pandanglah teman renungkan bersama
Manusia dinilai dari iman dan amalnya..
Minta petunjuk moga tak dipersia
Selagi pintu taubat masih terbuka
Isikan dada dengan ilmu agama....
Takkan merana dan rasa sengsara...
Kerana pasti kembali padaNya....
Kejauhan remang rembulan,
dedaun mengusik jendela,
mengapa lena tiada menyapaku,

sedang malam bertandang sudah,
dan embun menyiram tanah.
haruman bunga segar mengharum,
di halaman kelawar berlegar,
mengapa bukan aku itu?
marilah malam,
temanilah sepiku,
saujana alamku terbentang
mengapa.....?
tiada yang sudi bertamu ,
halaman ku kosong terbiar,
dan haruskah aku bermusafir diri,
mencari dalam remang malam.....

Kawan

Apa erti kawan ?
Jika tidak suka menolong .
Apa erti kawan ?
Jika asyik bermasam muka .
Apa erti kawan ?
Jika kejujurannya dipertikaikan .
Apa erti kawan ?
Jika tiada rasa sayang .
Apa erti kawan ?
Jika tiada belas kasihan .
Apa erti kawan ?
Jika kebaikan tidak dinilai .
Apa erti kawan ?
Jika diri tiada teman
Kawan yang mulia ,
Kawan yang sebenar,
Kawan yang abadi..
ILMU
ialah kawan yang sejati !
Di manakah letaknya
kejujuran,
Apakah sebenarnya erti
pengorbanan,
Antara kuasa, cinta,
nafsu dan keinsanan.
Meskipun pelbagai kesengsaraan
menimpa hidupmu

walaupun kesakitan dan keperitan menjadi
bebanan
tabahkan hatimu
harungi lautan ini
demi matlamat yang kau gapaikan
bumi neraka pernah kau lalui
bagai mimpi ngeri bagimu
bangunlah kawanku..bangun...
sebagai jasad yang berdiri di bumi bertuah ini
bendunglah segala gejala sosial
menjadi yang hebat..walaupun tidak sehebat
mahadzir
agar jasadmu tergolong dalam yang dicucuri
rahmat....

Hidup

Perjuangan abadi
Oleh semua yang bernafas
Yang merasai akan agungnya
Karya ciptaannya
Hidup
Menempuh pelbagai cabaran
Semata untuk memastikan
Kita pejuang yang berjaya
Menempuh dan mengalami
Ertinya yang sebenar..
Hidup pelbagai
Definisi diberikan
Kepalsuan, kesusahan,
Kerakusan
Dan kebahagiaan
Namun satu yang dicari
Pengalaman yang tidak akan
Kembali..
Hidup
Akhirmu bukan dikubur
Namun bergantung kepada
Perjuanganmu
Nanti akan ditentukannya...

-
Siapalah Aku

Kalaulah aku..
seekor burung..
akan aku terbang tinggi...
tapi tak mungkin... tak mungkin...
kerana aku adalah aku...
seorang insan yang lemah..
Kalaulah aku..
seekor ikan...
akan aku berenang di lautan dalam...
tapi tak mungkin... tak mungkin...
kerana aku adalah aku...
seorang insan yang lemah...
Kalaulah aku...
sekuntum bunga...
akan aku hiasi dunia seindah yang mungkin...
tapi tak mungkin... tak mungkin...
kerana aku adalah aku...
seorang insan yang lemah...
Kalaulah aku air...
akan aku sirami Kuala Lumpur ini...
yang sedang diCATU air...
tapi tak mungkin... tak mungkin...
kerana aku adalah aku...
seorang insan yang lemah...
Kalaulah aku...
Kalaulah aku...
Kalaulah aku...
kelakar..kelakar...
kalaulah aku...
Ahh mengarut semua itu...
Yang harus dihadapi ialah realiti bukan
fantasi....
cetusan minda
Di dalam mentari terpercik misteri
lambaian wajah umpama bidadari
kucapai namamu tegak baiduri
didalam lamunan kita menari
mimpi pasti,
datang dan pergi
namun pepohon tetap teguh
walau berbuah ranting rapuh

teguh matlamat jiwa utuh
disimbah racun tidakkan luruh.

Pertemuan semalam, hari ini dan esok

Pertemuan semalam
manisnya bagai madu yang diteguk
segalanya indah
membalut hati resah untuk tenang
lupa pada kisah silam
yang pilunya bukan kepalang

Pertemuan hari ini
terasa madunya kian susut
entah ...

tertahankan ia pada hukum alam
menghakis sirna yang mendatang
kekal pada azali kejadian

Pertemuan hari esok
makin sukar untuk aku meramalkan
mungkin kemanisan itu akan hilang terus

tapi aku pasti
madu itu pasti akan kembali terisi
andai pertemuan dulu
diabadikan sebagai penentu hari ini dan esok.

Kau datang lagi..

Kala aku sendiri

kau datang lagi

menghamparkan duri-duri

menikam batin ini

dengan ganasnya

tiada rasa simpati

Aku tahu

kau telah berjanji

akan mengheretku bersamamu

selagi aku bernyawa

dan terus berjuang

menuju jalan yang telah disuratkan

Kau tak pernah puas

dengki dengan kejayaanku

benci dengan perlakuanku

malah kau campakan aku

agar aku terjatuh seperti dirimu

Usahlah dikau berselindung
aku tahu siapa engkau
dan siapa aku
Insan.....
bila kita mencerminkan diri,
adalah sebaliknya
seminit dengan mendalam
engkau menatap
engkau tanya satu soalan
kepada insan dicerminkan
untuk siapakah engkau
sememangnya.....
sukar.....
hidup seribu insan
namun pasti ada suratan
pasrah akan menyahut
biarpun pahit namun
tetap akan ditelan
kerana hidup sukar
dimengertikan
ibarat mimpi dalam khayalan.
Seandainya
diri ini bisa berkata-kata ke seluruh dunia
juga adanya suara yang kuat bergema
akan kulontarkan satu kata
biar ia berserakkan di mana-mana
biar ia tertusuk di sanubari
remaja, dewasa, lelaki, wanita...
bahawa dunia ini kian hampir akan hujungnya
dunia ini sudah terlalu tua
dunia ini hanya menunggu masa
untuk binasa
hapuskanlah persengketaan
koyakkan segala kekejaman
lunturkan segala maksiat
segala kejahatan
bersihkan diri dengan air suci
agar ia tidak hitam lagi
seandainya itu yang bisa kulakukan
alangkah damainya diri ini
lantaran hati tidak bertanggung lagi

kesedihan, keperitan
melihat segala titik hitam
yang semakin membesar... terlalu besar
takutnya... jika kita dilaknati
takutnya... jika kita tidak dirahmati
takutnya... jika kita enggan diberkati
aduhai semua
cukuplah membalut diri dengan dosa
kita di akhir zaman kini
pantaskan kaki mencari sinar abadi
untuk kebahagiaan yang menanti
di syurgawi...

Fikirkan

Ya insan

Fikirkan sedalam mungkin apa arah hidupmu
Sematkan kedalam jiwa azam kental yang
jitu

Kerna hidup ini bukan untuk bersuka ria
Tetapi ada tujuan dan matlamat yang telah
tersedia untuk di terpa

Ya insan

Fikirkan apa tujuan hidupmu
Carilah didalam diri

Nescaya kau kan ketemui
Satu rahsia yang tak dapat untuk kau
taksirkan sendiri

Ya insan

Aku pun sedang mencari satu kehidupan
yang abadi

Tak sanggup hidup berkelumang dengan
dosa lagi

Kerna hidup ini tiada dua, tiganya lagi
Sampai ajal roh dan jasad takan bersatu lagi.

Impian ku.

Ingin suatu hari...

ketika bangun daripada tidurku...
embun menyentuh kulit ku di kala subuh...
ketika fajar menjelma...nyanyian burung
kedengaran...

udara nyaman di sekeliling ku...
kehijauan alam jelas di ruang matakaku...

menyedapkan hati dan jiwa ku...
ingin suatu hari...
masyarakat sekeliling ku saling tolong
menolong...
'cubit peha kiri peha kanan terasa jua'...
tiada yang susah antara mereka...
'susah senang sama dirasa'...
ingin suatu hari...
semua yang ada pada hari ini...
macam mana hendak ku jelaskan
itulah impian ku....
kenapa mereka tak turut sama merana
kenapa asyik kami yang kena
kenapa masih tiada lagi jawapannya,
Sampai bila kami dapat bertahan
sampai bila kami dapat bersabar
sampai bila kami akan tertekan
sampai bila ... sampai bila...
sampai aku jadi GILA!!!!

Senja

untuk apa kau memapah aku
untuk lari dari kegelapan
sedangkan kau jua penghuni sebuah lara
panjang
untuk apa kau curahkan keringatmu
pada aku yang pernah kau ukirkan
sebuah pelantar kebencian.

Senja

untuk apa aku kau lukai
jika kau sendiri menyesali
segenap apa yang kau lakukan
senja kau datang jua,
memapah aku yang dahaga
setitis bahagia yang pernah kau janjikan
hanya tinggal sejuta pengharapan
yang kelam.

Wanita....

Kau umpama pelita hidupku
Wanita dari sebutanmu
Mengingatkanku kepada ibu
Ku

Seorang ibu tua
Yg akan ku kenang budi
Sehingga
Ke akhir hayat ku
Wanita
Darimu ku kenal erti
Percintaan
Di mana diriku dan perasaan
Ini di kecewakan oleh
Seseorang
Wanita
Walaupun terdapat celaan
Dan buruk
Terhadapmu tapi bagi tiada
Wanita tiada lah diriku.....
Ayah
Terima kasih di atas segalanya
Kau tidak pernah mengeluh
Malah sentiasa tersenyum
Walau digamit keperitan
Ayah
Kini segala pengorbananmu
Hampir terbalas
Anakmu kini berjaya ke menara gading
Dan percayalah
Akan kujunjung setiap pengorbananmu itu
Yang pasti aku tak pernah lupakanya
Dan kini
Aku begitu merinduimu
Walaupun kita berjauhan
Kerna aku perlu meneruskan perjuangan ini
Demi masa depanku dan harapanmu
Namun percayalah ayah
Anakmu dirantauan ini
Tidak pernah sesekali melupakanmu
Dan percayalah aku begitu menyayangimu.
Manusia yang Untung
Manusia akan jadi terbaik jika beriman
akan tersungkur bagai binatang ternak
andai engkar...
hidup menguji siapa terbaik amalnya

terbaik dunia...terbaik akhirat
dunia adalah kebun bertanam
bekal perjalanan hari akhir
jannah atau an nar
pilihan pada kita
aqal dibekal
ada jasad
ada roh
islam iman amal
jamaah dan keseorangan
susurilah tariq al haq
sirat yang lurus
contoh yang benar dan batil
yang di ni'mati Ilahi
yang di la'nati Ilahi
pilihlah jalan junjungan
jalan para anbia'
para solihin
tabi`in
moga damailah hidup
dunia dan akhirat

Warna Kerinduan

Kitakah yang tertewas
pada warna kerinduan
menatap sepi kelam senja
ketika lambaian mentari merah
mengucap salam perpisahan
nanti esok bertemu kembali
membicara rasa luka
melepaskan benak terpendam
pada lingkaran waktu
Kitakah sang pengutip
serpihan warna cinta
bertaburan dari sebuah epilog
impian semalam
ketanduasan kasih sejati
merentangi gurun perasaan
kemarau tanpa di airi
hujan ketabahan.

Lambang

Bunga...
Lambang kasih insan
Kian layu
Dalam jambangan mekar
Wang...
Lambang kemewahan
Insan rakus
Mengejar duniawi
Pangkat...
Lambang kestabilan
Pengikat nafsu
Dan kekayaan
Cinta...
Lambang perasaan
Diungkap puitis
Jiwa dibelai

Tak Dapat Kulupakan

Tak dapat kulupakan
tak dapat kulupakan
bumi suci zaman remaja
bukit biru tempat bercanda
hijaunya Selat Tebrau
pokok cempedak di pagar limau.
tak dapat kubayangkan
tak dapat kubayangkan
tahun berlari berlumba-lumba
matahari subuh mengejar senja
kelopak bunga cempaka
diestu setinggi setangkai doa
tak dapat kucatatkan
tak dapat kucatatkan
kawan-kawan datang dan pergi
bayangan malam bertambah ngeri
janji hancur dihempas waktu
pintu pun tutup satu persatu
tak dapat kukisahkan
tak dapat kukisahkan
segala janji telah diisi
segala kasih diikat rapi
lorong panjang berlingkar-lingkar
entah bila berjumpa lagi.

Kawan

kawan....

banggakah kamu dengan jet peribadi
sedangkan masih ada orang yang mencari
harta buang sekarung guni...

kawan...

riakkah kamu dengan ujian Allah
tatkala ada insan yang masih gah menoreh getah
lantaran menampung hidup buat sejengkal dua....

kawan...

sombongkah kamu dengan kejayaan
kerna masih ada tulang empat kerat yang meronta
diminta dibasmi kemiskinannya

kawan...

mana peribadi mulia mu
usah kau takut dan usah kau malu
tunjukkan nilai murni mu
atas nama kalimah Allah dan Rasullah
kerna masih ramai lagi yang bermandi perigi
bercahaya pelita, berdapur kayu api....

Firman Allah swt dalam surah al-Naba ayat 18:- "Yaitu hari (yang pada
waktu itu) ditiup sangkakala lalu kamu datang
berkelompok-kelompok." Adalah diriwayatkan bahawa ayat yang tersebut
diatas pernah ditanyakan oleh Saidina Muaz bin
Jabal, katanya, "Ya Rasulullah, apa maksudnya ayat ini?" Maka
Rasulullah saw menangis sebelum menjawab soalan tersebut
kerana inilah yang selalu dibimbangkan oleh baginda. Lalu baginda
menjawab: "Ya Muaz, umatku kelak apabila bangkit dari
kubur akan menjadi 12 golongan. Sebanyak 11 golongan akan memasuki
neraka dan hanya 1 golongan sahaja yang akan
memasuki syurga. Adapun 11 golongan yang memasuki neraka adalah
seperti berikut:-

- 1.Mereka yang tidak mempunyai kaki dan tangan. Ini adalah kerana
mereka suka menyakiti hati jiran tetangga.
- 2.Mereka yang menyerupai babi. Ini adalah balasan bagi orang yang suka
melengah-lengahkan solat lima waktu.
- 3.Mereka yang perutnya besar sepertiunung dan dipenuhi dengan ular dan
kala. Inilah balasan bagi mereka yang enggan
mengeluarkan zakat.
- 4.Mereka yang keluar darah dari mulutnya. Inilah balasan mereka yang
berdusta.

5. Mereka yang berbau busuk seluruh badannya. Ini adalah balasan mereka yang mengaut keuntungan dalam jual beli atas penipuan.
6. Mereka yang dicincang-cincang pada tengkuk dan bahu. Ini adalah balasan mereka yang menyaksikan maksiat atau perbuatan jahat.
7. Mereka yang keluar dengan tidak berlidah dan keluar nanah dan darah dari mulut. Ini balasan mereka yang tidak mahu menyaksikan kebenaran.
8. Mereka yang keluar dalam keadaan terbalik iaitu kepala dibawah dan kakinya keatas. Ini adalah balasan mereka yang berzina serta mati sebelum bertaubat.
9. Mereka yang berwajah hitam, bermata biru dan perutnya penuh api. Ini balasan mereka yang memakan harta anak yatim secara zalim.
10. Mereka yang kulitnya penuh kudis dan penyakit2 lain yang menjijikan. Ini adalah balasan mereka yang berani melawan kedua ibu bapanya.
11. Mereka yang buta matanya dan hatinya, giginya seperti tanduk, bibirnya berjantai hingga keperut, dari perut dan pehanya keluar kotoran. Ini adalah balasan mereka minum minuman keras.
Dan satu golongan yang masuk ke syurga ialah:
12. Mereka yang wajahnya bagaikan bulan purnama, berjalan di atas titian Mustaqim laksana kilat. Ini balasan orang yang beramal salih dan menjauhi maksiat serta mendirikan solat lima waktu dan mati dalam keadaan bertaubat."

Kawan

Kawan... apalah yang kau kesalkan
kerna Tuhan kehilangan kawan
kerna kebenaran dihina
jangan kau ragu dalam perjuangan
Kadang-kadang kawan jadi lawan
kadang-kadang lawan jadi kawan
apalah disedihkan hati
para pejuang selalu kekurangan
Jangan sedih selalu tersisih
bukan kau saja ditimpa malang
lihatlah para Rasul mulia
lebih tersiksa dan menderita
Tetapi mereka merasai ramai

walaupun kesorangan
mereka memadai dengan Tuhannya
itulah kebahagiaan di waktu sempit seorang diri
kawan apalah disedihkan hati...
Mereka bahagia dalam derita
Mereka kaya di dalam papa...

Muslimah Harapan

Persimu permata berlian menjadi rebutan pejuang
keutuhan yang tersimpan di balik tabir yang tenang
Keayuan yang terpancar disinar cahaya iman
itulah muslimah harapan muslimah harapan... harapan
Gerak langkahnya yang sopan disulam zikir di ingatan
keyakinan yang mendalam menjadi tangan perjuangan
Jasad hayatnya diserahkan untuk sebuah perjuangan
itulah muslimah harapan
Muslimah puteri harapan
dikaulah harapan membela Islam yang mulia
muslimah puteri harapan dikaulah cahaya
menjadi lambang Islam yang gemilang...
Puteri harapan serikandi Islam
tetaplah kau dalam perjuangan
menjadi sayap kiri di medan
meneguhkan benteng pertahanan Islam
Gamitan leka duniawi tersungkur jauh di hatimu
kau sematkan kecintaan yang mendalam
terhadap Tuhanmu...jaga untuk suami tersayang
kau didik generasi mendatang
untuk agama tercinta.....

TEGUH

Kau agungkan kepintaran mereka
Yang tenggelam dalam benak serakah
Kau tak sedar.....
Runtuh agamamu adalah sorakkan bagi mereka
Bagai lalang tunduk mengikut paluan angin
Turut engkau racuni jiwa masyarakatmu

Mereka tertawa melihat kamu
Memasang duri didalam diri
Ilmu kau jadikan seteru

Amalan kau jadikan tarian

-

Pulanglah ke pangkal jalan
Tanamkan Keimanan
Kembalilah kepada Al-Quran

-

Perang halus pasti ditempuh
Kenali helah musuh
Mereka pasti jatuh....
Mereka pasti jatuh....

Maksud hadis, "Menuntut ilmu adalah satu kewajipan
bagi muslim lelaki dan wanita."

Untuk ke depan, elok sesekali kita imbas ke
belakang. Lihat pada apa yang telah kita tinggalkan.
Kita tidak akan menempuhnya lagi. Kita kini
bergerak ke depan, untuk menyahut seruan
kejayaan.

Gelombang kehidupan itu kadang-kala kecil,
kadang-kala besar. Kita akan ditimang gelombang
pada sepanjang kehidupan kita. Oleh itu, janganlah
kita takut dan bimbang kerana kita akan timbul
selagi kita berpegang kepada agama Allah.

Dalam menggarap kejayaan, kita seharusnya tidak
cepat berputus asa. Bayi yang baru belajar berjalan
biasanya kerap terjatuh. Tetapi ia akan berusaha
untuk bangun dan berjalan kembali. Orang dewasa
yang ingin memajukan dirinya perlu mempunyai jiwa
seorang bayi. Jangan sesekali berputus asa dalam
mengejar impian.

Mungkin kita tidak ingat betapa gembiranya ibu bapa
kita atas kejayaan-kejayaan kita yang lampau.

Lantaran itu, kembalikanlah semangat yang
berkobar-kobar itu kerana kita tentu tidak sanggup
menyerahkan kegagalan kita terhadap ibu bapa kita
yang telah banyak berkorban buat kita.

Sesungguhnya, kesempurnaan manusia ada tiga
perkara, ilmu pengetahuan, pengalaman dan
pemerhatian iaitu belajar pada alam.

Dari sehari ke sehari, kita melangkah dengan
semakin gah memijak bumi. Dari sehari ke sehari
jualah kedua-dua ibu bapa kita semakin meningkat

usia dan terlalu banyak pengorbanan yang telah
dilakukan oleh mereka yang pastinya tidak terbalas
oleh kita. Hargailah kehadiran mereka di sekeliling
kita sementara mereka masih ada kerana masa itu
tidak pernah menanti kita.

Nasihat Lukmanul Hakim terhadap anaknya, "Wahai
anakku, bergaullah dengan golongan berilmu dan
rapatkanlah kedua lututmu, kerana sesungguhnya
Allah menghidupkan hati yang mati dengan cahaya
hikmah, sebagaimana Allah menghidupkan tanah
yang mati dengan hujan lebat. "

Wawasan Muslimah

Tidak pernahkan ada impian terlukis indah mewarnai hidupmu
menjadi muslimah kebanggaan menjadi penggerak dalam perjuangan
sedangkan Fatimah berbahgia di syurga kau generasi bakal menggoncang
dunia
yakinilah...

Apakah kau masih diulit mimpi menjauhkan diri dari titah Ilahi
menjadi serikandi harapan pertiwi menjadi penyeri nirwana duniawi
tanpa sumbanganmu ummah membeku
untukmu muslimah kami hamparkan hirisan doa...

Demi cinta demi cita-cita
kau pikul amanah suci

tabahkan hatimu curahkan baktimu natijahnya nanti kau miliki
di taman abadi indah berseri kan temui...

Muslimah harapan punyai wawasan muslimah sejati pekertinya tinggi
gandingan bersama kami pohonkan didik generasi yang diidamkan
hadapilah...

Muslimah harapan punyai wawasan muslimah sejati pekertinya tinggi
di antara bintang kau bagai kejora menerangi malam menyimbah ke bumi

Untukmu muslimah inilah seruan kau pikul amanah suci
tekadkanlah hati demi cita-cita
kau pikul amanah suci
Suburnya Kasih sejati

Puisi Untuk Para Pejuang

Di sini

menusia menguruskan diri sendiri
mencari bekal masing-masing dari daerah kelahiran
dan dengan langkah berani mengharung
lautan gelombang di sini
yang sesekali ganas namun tidak kejam

—
Hidup di sini memang payah
terpaksa menempuh duri susah
melawan rasa kantuk
berlarian antara dewan kuliah
dan khutub khanah
sesekali langkah rasa ingin berhenti
namun mutiara masih belum lagi erat terenggam di jari
selagi itu, roh dan semangat perlu terus diisi

—
Kekadang sulit sebenarnya
melawan rasa rindu
menentang rasa sendu
bila sesekali
desa kelahiran memanggil-manggil
untuk pulang
atau suara emak lembut gemersik
menyata rindu yang berputik

—
Aduhai para pejuang
langkah masih terlalu amat pangjang
kutiplah semangat di sepanjang titian
agar nanti mutiara bercahaya memancarkan seri
bayaran untuk susah dan duri
sepanjang di sini.

Rahsia sujud pada perkembangan otak manusia

JERTEH - Persatuan Islam Kebangsaan Malaysia (MICNA)

Jordan mengenal pasti sesiapa yang tidak menunaikan sembahyang maka
otaknya tidak dapat menerima darah secukupnya untuk berfungsi secara
sempurna.

Jurucakap MICNA Jordan berkata, ini bererti darah tidak
akan memasuki urat saraf di dalam otak manusia melainkan ketika
seseorang itu sujud ketika bersembahyang.

"Ini diakui sendiri oleh seorang doktor neurologi di
Amerika Syarikat yang telah memeluk Islam
kerana beberapa keajaiban di dalam penyelidikannya itu. Doktor
tersebut mendapati dalam kajiannya urat pada saraf manusia memerlukan
darah untuk beberapa sukatan tertentu sahaja.

"Ini bermaksud darah akan memasuki bahagian urat tersebut
mengikut kadar sembahyang waktu yang diwajibkan oleh Islam," katanya

dalam kenyataan pada Majalah Buletin Bulanan MICNA Jordan di sini,
hari ini.

Beliau berkata, doktor tersebut tertarik untuk memeluk
Islam semasa membuat kajian saraf yang
dilakukan, iaitu terdapat beberapa urat saraf di dalam otak manusia
tidak dimasuk darah.

"Pada hal setiap inci otak manusia memerlukan darah yang
secukupnya untuk berfungsi secara lebih normal," katanya.
Menurutnya, doktor tersebut amat kagum dengan penemuan
tersebut sehingga ia tidak dapat
diterima oleh akal fikiran.

"Kini doktor tersebut memeluk Islam dan dengan itu beliau
telah membuka sebuah klinik yang
bertemakan "Perubatan melalui- Al-Quran". Kini beliau membuat
ubat-ubatan berdasarkan kajian melalui al-Quran dan Hadis Nabawi.

"Di antara kaedah yang digunakan termasuklah berpuasa,
madu lebah, biji hitam (black Seed) dan sebagainya," jelasnya.

Beliau berkata, manusia yang tidak bersembahyang apatah
lagi yang bukan Islam, walaupun akal mereka berfungsi secara normal
tetapi sebenarnya mereka akan hilang pertimbangan apabila membuat
keputusan secara normal.

"Justeru itu, tidak hairan ada di antara manusia
kadang-kadang tidak segan silu untuk melakukan
perkara bertentangan dengan fitrah kejadiannya walaupun akal mereka
mengetahui perkara yang akan dilakukan adalah salah.

"Ini kerana otak mereka tidak boleh mempertimbangkannya
secara lebih normal." tambahnya.

Wartawan - Shahputra